# Kamarul Syazwan Kumaresan bin Abdullah lwn Pendakwa Raya

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO B-05(M)-258–10 TAHUN 2015
TENGKU MAIMUN, AHMADI ASNAWI DAN KAMARDIN HASHIM HHMR
29 NOVEMBER 2016

*Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Perayu telah disabitkan bersalah atas tuduhan mengedar dan memiliki dadah — Sama ada terdapat kecacatan dalam dapatan kes prima facie hakim bicara — Sama ada hakim bicara terkhilaf dalam mengguna pakai anggapan berganda — Sama ada hakim bicara terkhilaf apabila mengguna pakai anggapan di bawah s 37(d) Akta Dadah Berbahaya 1952 dalam pembuktian elemen milikan — Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 12(2), 37(d), (da), 37A, 39A(1), 39B(1)(a) & (2)*

Perayu telah dituduh dengan dua pertuduhan iaitu mengedar dadah berbahaya jenis heroin dan monoacetylmorphines di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB') yang boleh dihukum di bawah s 39B(2) Akta yang sama ('pertuduhan pertama'); dan memiliki dadah berbahaya jenis methamphetamine di bawah s 12(2) ADB yang boleh dihukum di bawah s 39A(1) ADB ('pertuduhan kedua'). Pihak pendakwaan menyatakan bahawa pegawai polis ('SP6') telah membuat serbuan ke atas kereta yang dipandu oleh perayu ketika perayu berhenti di hentian Sungai Buloh, di dalam perjalanannya menuju ke Kuala Lumpur. Ketika serbuan dibuat, SP6 telah menjumpai dadah berkenaan di atas tempat alas kaki penumpang hadapan, iaitu di antara bawah kerusi dengan alas kaki penumpang hadapan kereta yang dipandu oleh perayu. Di akhir kes pendakwaan, hakim bicara telah mendapati bahawa pendakwaan telah berjaya membuktikan kes prima facie terhadap perayu atas kedua-dua pertuduhan. Hakim bicara telah mengguna pakai anggapan di bawah s 37(d) ADB untuk membuktikan pengetahuan perayu dan juga anggapan di bawah s 37(da) ADB untuk membuktikan elemen pengedaran bagi pertuduhan pertama. Dalam pembelaannya, perayu menafikan pengetahuannya tentang dadah tersebut dan menafikan dakwaan yang dia telah meletakkan dadah berkenaan di dalam kereta tersebut. Perayu mendakwa bahawa kereta tersebut turut digunakan oleh ahli keluarga isterinya termasuk bapa mertuanya ('SD3') dan pekerjanya yang bernama Husin. Di akhir kes pembelaan, hakim bicara mendapati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kedua-dua pertuduhan terhadap perayu melampaui keraguan munasabah. Perayu telah disabitkan bersalah di atas kedua-dua pertuduhan dan dijatuhkan hukuman mati mandatori bagi pertuduhan

pertama dan hukuman penjara selama tiga tahun serta dua sebatan bagi pertuduhan kedua. Perayu telah memfailkan rayuan ini terhadap keseluruhan keputusan tersebut. Perayu telah membangkitkan tiga alasan rayuan iaitu: (a) kecacatan dalam dapatan kes prima facie oleh hakim bicara; (b) hakim bicara telah terkhilaf apabila mengguna pakai anggapan berganda; dan (c) hakim bicara terkhilaf apabila mengguna pakai anggapan di bawah s 37(d) ADB dalam pembuktian elemen milikan.

**Diputuskan**, membenarkan rayuan perayu:

(1) Terdapat kecacatan yang serius dalam dapatan hakim bicara di peringkat kes prima facie yang boleh menyebabkan kegagalan keadilan terhadap perayu. Hakim bicara telah terkhilaf dalam mengguna pakai anggapan berganda dalam kes terhadap perayu bagi pertuduhan pengedaran. Kekhilafan hakim bicara telah memprejudiskan perayu dalam dua keadaan iaitu: (a) sabitan perayu bagi kesalahan pengedaran bercanggah dengan undang-undang seperti diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Muhammed bin Hassan v Public Prosecutor* [1998] 2 MLJ 273; dan (b) hakim bicara telah meletakkan beban yang lebih berat kepada perayu untuk mematahkan kedua-dua anggapan atas beban imbangan kebarangkalian. Tambahan lagi, s 37A yang membenarkan pemakaian anggapan berganda hanya berkuat kuasa mulai 15 Februari 2014 sedangkan kesalahan-kesalahan perayu telah berlaku pada 14 September 2013 (lihat perenggan 17–19 & 22).

(2) Hakim bicara telah gagal untuk membuat pertimbangan secara maksima terhadap pembelaan perayu dan terkhilaf apabila mendapati tiada keterangan yang menunjukkan SD3 mempunyai peluang akses terhadap kereta tersebut namun kegagalan tersebut tidak fatal memandangkan hakim bicara telah meneliti secara terperinci keterangan adik ipar perayu ('SP5') dan isteri perayu ('SP7') yang menunjukkan tiada kemungkinan SD3 yang telah meletakkan dadah di dalam kereta tersebut. Mahkamah bersetuju dengan hakim bicara bahawa berdasarkan keterangan, perayu adalah orang yang sebenarnya yang telah meletakkan dadah-dadah yang dipertuduhkan di dalam kereta tersebut sebelum perayu sendiri bertegas untuk memandu kereta itu ke Kuala Lumpur walaupun perayu sendiri tidak mempunyai lesen untuk memandu (lihat perenggan 25–27).

(3) Berdasarkan alasan-alasan di atas, mahkamah telah mengenepikan sabitan terhadap perayu di bawah pertuduhan pertama dan menggantikannya dengan sabitan bagi kesalahan pemilikan di bawah s 12(2) ADB yang boleh dihukum di bawah s 39A(2) dan mengekalkan sabitan perayu bagi pertuduhan kedua. Mahkamah seterusnya telah menjatuhkan hukuman 18 tahun penjara dan sepuluh sebatan ke atas perayu bagi kesalahan pertama dan mengesahkan hukuman Mahkamah Tinggi bagi pertuduhan kedua (lihat perenggan 28–29).

**[English summary**

The appellant was charged for the offence of trafficking in dangerous drugs, namely heroin and monoacetylmorphines under s 39B(1)(a) of the Dangerous Drugs Act 1952 ('the DDA') punishable under s 39B(2) of the same Act ('the first charge'); and having in possession the dangerous drugs methamphetamine under s 12(2) of the same Act punishable under s 39A(1) of the DDA ('the second charge'). According to the prosecution, a police officer ('SP6') had ambushed a car driven by the appellant while the appellant stopped at the Sungai Buloh R&R while on his way to Kuala Lumpur. When the ambush was carried out, SP6 found the said drugs on the mat of the front passenger's seat, between underneath the seat and the mat of the front passenger's seat of the car driven by the appellant. At the conclusion of the prosecution's case, the trial judge found that the prosecution successfully established a prima facie case against both charges. The trial judge invoked presumption under s 37(d) of the DDA to establish the appellant's knowledge and the presumption under s 37(da) of the DDA to prove the element of trafficking for the first offence. In his defence, the appellant denied his knowledge on the drugs and the allegations that he placed the drugs in the car. The appellant submitted that the car was also driven by his family members, namely his wife and father in law ('SD3') and his employee named Husin. At the end of the defence case, the trial judge found that the prosecution successfully established both charges against the appellant beyond reasonable doubt. The appellant was convicted for both offences and sentenced to mandatory death for the first charge and imprisonment of three years and two strokes of rotan for the second charge. The appellant filed this appeal against the whole decision. The appellant brought forth three grounds of appeal: (a) the defect in the finding of prima facie case by the trial judge; (b) the trial judge erred in invoking double presumption; and (c) the trial judge erred in invoking the presumption under s 37(d) of the DDA in proving the element of possession.

**Held**, allowing the appellant's appeal:

(1) There were serious defects in the findings of the trial judge during the prima facie case stage which could occasion failure of justice to the appellant. The trial judge erred in invoking double presumption in the case against the appellant for the charge of trafficking. The trial judge's error had prejudiced the appellant in two ways: (a) the appellant's conviction for the offence of trafficking was inconsistent with the laws as held by the Federal Court in the case of *Muhammed bin Hassan v Public Prosecutor* [1998] 2 MLJ 273; and (b) the trial judge placed a heavier burden on the appellant to rebut both presumption on the balance of probabilities. Furthermore, s 37A allows the application of double presumption commencing from 15 February 2014 but the appellant's offences were committed on 14 September 2013 (see paras 17–19 & 22).

(2) The trial judge failed to carry out a maximum evaluation on the appellant's defence and erred when His Lordship found that there was no evidence that showed SD3 has an opportunity to access the car but this failure was not fatal since the trial judge had scrutinised the evidence of the appellant's in law ('SP5') and the appellant's wife ('SP7') which showed that there was no possibility that SD3 placed the drugs in the car. The court agrees with the trial judge that based on the evidence, it was the appellant who placed the incriminating drugs in the car before insisting on driving to Kuala Lumpur even though he did not have a driving licence (see paras 25–27).

(3) Based on the above reasons, the court set aside the conviction against the appellant for the first charge and substituted it with a conviction for the offence of possession under s 12(2) of the DDA punishable under s 39A(2) and upheld the appellant's conviction for the second charge. The court subsequently sentenced the appellant to 18 years imprisonment and ten strokes of rotan for the first charge and affirmed the sentence of the High Court for the second charge (see paras 28–29).]

**Nota-nota**

Untuk kes-kes mengenai rayuan terhadap sabitan dan hukuman, lihat 2(3) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2015) perenggan 301–419.

**Kes-kes yang dirujuk**

*Dalip Bhagwan Singh v PP* [1998] 1 MLJ 1; [1997] 4 CLJ 645, MP (dirujuk)
*Megat Halim bin Megat Omar v Pendakwa Raya* [2008] MLJU 647; [2009] 1 CLJ 154, MR (dirujuk)
*Muhammed bin Hassan v PP* [1998] 2 MLJ 273; [1998] 2 CLJ 170, MP (dirujuk)
*PP v Lin Lian Chen* [1992] 2 MLJ 561, MA (dirujuk)

**Undang-undang yang dirujuk**

Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 2, 12(2), 39A(2), 39B(1)(a), 37(d), 37(da), Jadual Pertama

**Rayuan daripada**: Perbicaraan Jenayah No 45A-32–04 Tahun 2014 dan 45–11–06 Tahun 2014 (Mahkamah Tinggi, Shah Alam)

*Hisyam Teh Poh Teik (Teh Poh Teik & Co) bagi pihak perayu.*
*Tengku Intan Suraya bt Tengku Ismail (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.*

**Kamardin Hashim HMR:**

**[1]** Perayu telah di hadapkan dengan dua pertuduhan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 ('Akta') di Mahkamah Tinggi, Shah Alam. Dua pertuduhan terhadap perayu dibaca seperti berikut:

> Pertuduhan Pertama
>
> Bahawa kamu pada 14 September 2013 jam lebih kurang 12.10 pagi bertempat di kawasan tempat letak kereta, Restoren Jejantas Sg. Buloh, Lebuhraya PLUS dari arah Utara ke Selatan, Petaling Jaya, di dalam Daerah Petaling, di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan telah memperedar dadah berbahaya iaitu sejumlah berat 44.4 gram Heroin dan 18 gram Monoacetylmorphines. Oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah Seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 39B(2) Akta yang sama.
>
> Pertuduhan Kedua
>
> Bahawa kamu pada 14 September 2013 jam lebih kurang 12.10 pagi bertempat di kawasan tempat letak kereta, Restoren Jejantas Sg. Buloh, Lebuhraya PLUS dari arah Utara ke Selatan, Petaling Jaya, di dalam Daerah Petaling, di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan telah memiliki dadah berbahaya iaitu sejumlah berat 10.88 gram Methamphetamine. Oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah Seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 39A(1) Akta yang sama.

**[2]** Di akhir perbicaraan, hakim bicara yang bijaksana telah mensabitkan perayu atas kedua-dua pertuduhan. Bagi pertuduhan pertama, perayu telah dijatuhi hukuman mati dan bagi pertuduhan kedua, perayu telah dihukum tiga tahun penjara berkuatkuasa dari tarikh tangkapan dan dua sebatan rotan. Perayu merayu terhadap keseluruhan keputusan terhadap sabitan dan hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Tinggi tersebut.

KES PENDAKWAAN

**[3]** Kes pendakwaan secara ringkasnya adalah seperti berikut. Pada 13 September 2013 jam lebih kurang 7.30 malam perayu telah keluar dari rumahnya di Jelutong, Pulau Pinang dengan memandu kereta Nissan Grand Livina dengan nombor pendaftaran PJT 5770 ('P31'). Tujuan perayu adalah untuk pergi ke Kuala Lumpur bagi melawat adik iparnya yang baru melahirkan anak. Kereta Nissan Grand Livina PJT 5770 itu telah perayu pinjam daripada adik iparnya, Noor Azirah bt Said Ibrahim ('SP5').

**[4]** Turut berada bersama-sama dalam kereta yang dipandu oleh perayu adalah biras perayu, Danial Zidane bin Abdullah ('SP3') yang duduk di bahagian hadapan kiri di sebelah pemandu; adik ipar perayu, Rozaini bt Said Ibrahim ('SP4'); isteri perayu, Safiah bt Said Ibrahim ('SP7') dan anak bongsu

perayu berusia sepuluh tahun bernama Suhail. SP4, SP7 dan Suhail duduk di bahagian tempat duduk belakang kereta itu.

**[5]** Dari Jelutong, mereka telah singgah di R&R Tapah untuk makan malam sebelum meneruskan perjalanan. Perayu kemudiannya telah singgah di kawasan Restoran Jejantas Sungai Buloh. Pada masa tersebut kesemua penumpang di dalam kereta itu sedang nyenyak tidor. Perayu tiba di kawasan Restoran Jejantas Sungai Buloh tersebut pada jam lebih kurang 12.10 pagi (tengah malam) pada 14 September 2013.

**[6]** Sebaik perayu memberhentikan kereta di kawasan Restoran Jejantas Sungai Buloh tersebut, ASP Mohd Husni bin Manaf ('SP6') bersama anggota pasukan serbuan terus membuat serbuan dan pemeriksaan terhadap kereta dan penumpang kereta Nissan Grand Livina tersebut. SP6 telah menjumpai barang kes disyaki dadah berbahaya di atas tempat alas kaki penumpang hadapan, iaitu di antara bawah kerusi dengan alas kaki penumpang hadapan kereta itu.

**[7]** Barang kes yang dirampas yang disyakki dadah berbahaya telah di hantar kepada Jabatan Kimia untuk dianalisa. Ahli kimia, Suhana bt Ismail ('SP2') mengesahkan hasil analisa yang dijalankan mendapati barang kes mengandungi dadah berbahaya jenis heroin seberat 44.4g, dadah berbahaya jenis monoacetylmorphines seberat 18g dan dadah berbahaya jenis methamphetamine seberat 10.88g. SP2 mengesahkan dadah-dadah berbahaya tersebut tersenarai di bawah Jadual Pertama Akta.

DAPATAN HAKIM BICARA DIAKHIR KES PENDAKWAAN

**[8]** Hakim bicara telah mendapati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes *prima facie* terhadap perayu atas kedua-dua pertuduhan. Hakim bicara menerima keterangan SP2 bahawa dadah-dadah yang terlibat adalah dadah berbahaya bagi maksud Akta. Hakim bicara juga mendapati perayu mempunyai jagaan dan kawalan terhadap barang kes dadah yang dirampas serta telah mengguna pakai anggapan di bawah s 37(d) Akta untuk membuktikan pengetahuan perayu terhadap dadah-dadah yang dipertuduhkan. Seterusnya, hakim bicara sekali lagi telah menggunakan anggapan di bawah s 37(da) Akta untuk membuktikan elemen pengedaran bagi pertuduhan pertama di bawah s 39B(1)(a) Akta. Perayu telah diperintahkan untuk membela diri atas kedua-dua pertuduhan.

PEMBELAAN PERAYU

**[9]** Perayu telah memilih untuk memberi keterangan membela diri secara bersumpah. Pembelaan perayu secara ringkasnya adalah seperti berikut:

(a) perayu menafikan dia telah meletakkan barang kes dadah di dalam kereta Nissan Grand Livina PJT 5770 tersebut;

(b) perayu menafikan dia mempunyai pengetahuan mengenai kewujudan barang kes dadah di dalam kereta tersebut;

(c) kereta itu telah digunakan selain oleh ahli keluarga isterinya, kereta itu turut digunakan oleh pekerjanya seorang warga Myanmar bernama Husin untuk mengangkut sayur; dan

(d) perayu telah menggunakan kereta itu sebelum bertolak ke Kuala Lumpur untuk tujuan mengisi minyak, angin dan air serta mengeluarkan wang dari bank tetapi dia tidak ada melihat barang kes dadah di dalam kereta itu.

**[10]** Hakim bicara telah menolak keterangan membela diri perayu mengenai tindakan perayu keluar untuk mengisi minyak, angin, air dan mengeluarkan wang dari bank sebelum bertolak ke Kuala Lumpur sebagai tidak munasabah. Hakim bicara berpendapat perkara-perkara tersebut boleh dilakukan semasa dalam perjalanan ke Kuala Lumpur. Sebaliknya hakim bicara membuat inferens bahawa semasa membawa keluar kereta tersebut sebelum bertolak ke Kuala Lumpur, perayu telah menggunakan kesempatan itu untuk menyembunyikan dadah berbahaya yang dipertuduhkan di dalam kereta tersebut.

**[11]** Mengenai penama Husin, hakim bicara mendapati keterangan perayu bahawa Husin menggunakan kereta tersebut bagi mengangkut sayur sayuran adalah suatu rekaan semata-mata oleh kerana perkara itu tidak pernah dibangkitkan semasa kes pendakwaan. Hakim bicara telah berpegang kepada keputusan dalam kes *Megat Halim bin Megat Omar v Pendakwa Raya* [2008] MLJU 647; [2009] 1 CLJ 154.

**[12]** Mengenai kemungkinan SD3 (bapa mertua perayu) meletakkan dadah tersebut dalam kereta itu juga ditolak oleh hakim bicara atas alasan pihak pembelaan telah gagal mencabar keterangan SP5 dan SP7 bahawa SD3 tidak bekerja, hanya duduk di rumah dan tidak pernah menggunakan kereta tersebut. Malahan SD3 sendiri tidak ditanya mengenai soalan sama ada SD3 yang telah meletakkan dadah di dalam kereta tersebut. Hakim bicara turut menolak penglibatan ahli keluarga dalam kes penemuan dadah dalam kereta PJT 5770 tersebut.

**[13]** Hakim bicara pada akhirnya mendapati pihak pembelaan telah gagal menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah terhadap kedua-dua pertuduhan, dan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kedua-dua pertuduhan terhadap perayu melampaui sebarang keraguan yang munasabah.

**[14]** Perayu telah disabitkan atas kedua-dua pertuduhan. Perayu telah dijatuhkan dengan hukuman mati mandatori bagi pertuduhan pertama dan penjara tiga tahun serta dua sebatan rotan bagi pertuduhan kedua.

RAYUAN PERAYU

**[15]** Di hadapan kami, peguambela terpelajar telah membangkitkan tiga alasan rayuan seperti berikut:

(a) kecacatan dalam dapatan kes prima facie oleh hakim bicara;

(b) hakim bicara terkhilaf apabila telah mengguna pakai anggapan berganda; dan

(c) hakim bicara terkhilaf apabila mengguna pakai anggapan di bawah s 37(d) Akta dalam pembuktian elemen milikan.

KEPUTUSAN KAMI

**[16]** Terhadap alasan rayuan pertama dan kedua, aduan peguambela terpelajar adalah mengenai dapatan hakim bicara diperingkat kes prima facie yang telah mengguna pakai anggapan di bawah s 37(d) Akta dalam memutuskan wujud kes prima facie terhadap pertuduhan pertama yang melibatkan kesalahan pengedaran. Dihujahkan selanjutnya hakim bicara telah gagal membuat sebarang dapatan terhadap apakah perbuatan pengedaran di bawah takrifan s 2 Akta yang telah dilakukan oleh perayu dalam kes ini. Kegagalan tersebut dihujahkan oleh peguambela terpelajar sebagai fatal dan satu kegagalan keadilan.

**[17]** Setelah meneliti rekod rayuan ('RR'), kami bersetuju dengan hujahan peguambela terpelajar. Kami bersetuju bahawa terdapat kecacatan yang serius dalam dapatan hakim bicara diperingkat kes prima facie yang boleh menyebabkan kegagalan keadilan terhadap perayu. Dapatan hakim bicara tersebut adalah seperti berikut (ms 36 RR Jld 2):

> Keputusan di akhir kes pendakwaan.
>
> Mahkamah: Setelah meneliti keterangan saksi-saksi pendakwaan, soalan-soalan yang diajukan dalam Pemeriksaan Balas dan hujahan kedua-dua pihak, Mahkamah memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan suatu kes *prima facie* atas kedua-dua pertuduhan. Dengan itu anggapan statutory di bawah s 37(d) ADB 1952 terpakai. OKT dipanggil membela diri.

**[18]** Kami juga bersetuju dengan hujahan peguambela terpelajar bahawa hakim bicara telah terkhilaf dalam mengguna pakai anggapan berganda dalam kes terhadap perayu bagi pertuduhan pengedaran. Kami mendapati hakim bicara telah mengguna pakai anggapan di bawah s 37(d) Akta (ms 23 RR Jld 1) seperti berikut:

Justeru mahkamah membuat suatu dapatan fakta bahawa berdasarkan keterangan ikut keadaan tersebut tertuduh mempunyai jagaan, kawalan ke atas barang kes dadah tersebut. Dengan demikian telah mengaktifkan anggapan pengetahuan bagi melengkapkan elemen milikan oleh tertuduh ke atas dadah tersebut di bawah s 37(d) Akta bagi kedua-dua pertuduhan (rujuk kes *Teh Hock Leong v Public Prosecutor* [2010] 1 MLJ 741.

Seterusnya, di ms 24 RR Jld 1, hakim bicara membuat dapatan seperti berikut:

Elemen (c)

Bagi pertuduhan pertama (P3) di bawah s 39B Akta, elemen pengedaran *('trafficking')* diaktifkan dengan mengguna pakai anggapan di bawah seksyen 37(da)(xvi) yang menyatakan bahawa:

(da) any person who is found in possession of —

(i) ...

(ii) ...

(iiia) a total of 15 grammes or more in weight of heroin, morphine and monoacetylmorphines or a total of 15 grammes or more in weight of any two of the said dangerous drugs;

otherwise there is accordance (sic) with the authority of this Act or any other written law, shall be presumed until the contrary is proved, to be trafficking in the said drug.

**[19]** Kami mendapati hakim bicara telah terkhilaf dari segi undang-undang apabila telah mengguna pakai anggapan berganda dalam kes ini. Malahan hakim bicara terkeliru apabila menyatakan anggapan yang terpakai di bawah para '(xvi)' sedangkan yang sepatutnya di bawah para '(iiia)'. Kami bersetuju kekhilafan hakim bicara telah memprejudiskan perayu dalam dua keadaan berikut:

(a) sabitan perayu bagi kesalahan pengedaran bercanggah dengan undang-undang seperti diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Muhammed bin Hassan v Public Prosecutor* [1998] 2 MLJ 273; [1998] 2 CLJ 170; dan

(b) hakim bicara telah meletakkan beban yang lebih berat kepada perayu untuk mematahkan kedua-dua anggapan atas beban imbangan kebarangkalian.

**[20]** Dalam kes *Muhammed Hassan*, Chong Siew Fai HB (Sabah dan Sarawak) telah membuat keputusan bahawa pemakaian anggapan berganda adalah satu kekhilafan undang-undang dan keputusan itu masih terpakai hingga kini. Di ms 292 (MLJ); ms 195 (CLJ) kes itu, YA Hakim Besar itu mengatakannya seperti berikut:

Accordingly, we held that the learned trial judge had erred in law in using the presumption of possession under s 37(d) of the Act to invoke the presumption of trafficking under s 37(da) thereof.

**[21]** Kami mendapati tindakan hakim bicara meletakkan beban ke atas perayu untuk mengakas kedua-dua anggapan pemilikan dan pengedaran dalam kes ini turut telah memprejudiskan perayu. Di ms 28 RR Jld 1, hakim bicara telah membuat dapatan berikut yang menjadi asas aduan peguambela perayu:

> 30. Mahkamah telah meneliti keterangan pembelaan Tertuduh dan keterangan saksi-saksi SD2 dan SD3 bagi menentukan sama ada pihak pembelaan berjaya atau tidak menimbulkan satu keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan dan seterusnya mengakaskan anggapan-anggapan di bawah s 37(d) dan s 37(da) ADB 1952.

**[22]** Undang-undang yang membenarkan pemakaian anggapan berganda hanya berkuatkuasa mulai 15 Februari 2014 melalui Akta Pindaan A1457 apabila s 37A dibawa masuk bawah Akta. Kesalahan-kesalahan yang dipertuduhkan terhadap perayu telah berlaku pada 14 September 2013, sebelum tarikh kuatkuasa pemakaian s 37A yang baru tersebut. Kedudukan perundangan mengenai tarikh kuatkuasa pemakaian peruntukan baru s 37A Akta itu yang merupakan peruntukan substantif telah diputuskan dalam kes *Dalip Bhagwan Singh v Public Prosecutor* [1998] 1 MLJ 1; [1997] 4 CLJ 645 seperti berikut:

> In respect of legislation on substantive law, there is a rule of presumption that it is not retrospective in operation in the absence of a contrary intention by express words or by necessary implication. Conversely, in respect of legislation on evidence or procedure, the presumption is that it is retrospective in operation in the absence of a contrary intention, unless, the application of such legislation deprives a person of a vested right and offends art 7 of the Federal Constitution.

**[23]** Terhadap alasan rayuan ketiga, peguambela terpelajar berhujah bahawa hakim bicara telah terkhilaf apabila mengguna pakai anggapan di bawah s 37(d) Akta dalam membuat dapatan bahawa perayu mempunyai kawalan dan jagaan terhadap dadah-dadah yang dipertuduhkan yang ditemui di dalam kereta PJT 5770 tersebut. Peguambela menghujahkan kekhilafan hakim bicara meliputi dua aspek, iaitu: (a) kegagalan hakim bicara membuat pertimbangan terhadap kegagalan pihak pendakwaan untuk mengenepikan SD3 daripada orang yang mempunyai akses terhadap kereta tersebut; dan (b) dapatan hakim bicara bercanggah dengan prinsip yang telah diputuskan dalam kes *Public Prosecutor v Lin Lian Chen* [1992] 2 MLJ 561.

**[24]** Dalam kes *Lin Lian Chen*, Mahkamah Agong telah melalui penghakiman yang disampaikan oleh Edgar Joseph Jr SCJ telah membuat

keputusan seperti berikut di ms 567:

> In the first place, we would respectfully agree with the proposition of law enunciated by Thomson J (as he then was) in Tong Peng Hong v Public Prosecutor, that a vehicle in which a drug is carried does not ipso facto fall within the words 'anything whatsoever containing any dangerous drug' and therefore in such a case, the presumption contained in s 37(d) does not arise'.

**[25]** Kami seterusnya bersetuju dengan hujahan peguambela terpelajar bahawa hakim bicara telah gagal untuk membuat pertimbangan secara maksima pembelaan perayu dan telah terkhilaf apabila mendapati tiada keterangan menunjukkan SD3 ada peluang akses terhadap kereta PJT 5770 tersebut. Setelah meneliti keterangan SP3 dan SP5, kami mendapati bahawa terdapat keterangan-keterangan yang dapat menunjukkan bahawa SD3 mempunyai akses terhadap kereta tersebut. Keterangan SP3 (ms 11 RR Jld 2) adalah seperti berikut:

> Bapa mertua tinggal bersama. Kadang-kadang guna kereta. Dia tidak kerja dan stay di rumah, Radzi ada kereta sendiri. Jika keluar dengan family dia guna kereta Livina. Semua orang yang tinggal dalam rumah boleh guna kereta.

Manakala keterangan SP5 pula adalah seperti berikut (ms 15 RR Jld 2):

> Kereta itu dibeli untuk kegunaan ahli keluarga. Siapa-siapa ahli keluarga boleh guna kereta itu iaitu semua orang termasuk ayah, abang ipar (OKT), kakak, adik, adik ipar yang selalu guna kereta ini kakak saya Safiah dan OKT. Suami saya jarang guna kereta sebab dia sendiri ada 2 buah kereta dan 2 buah motosikal. Dia lebih guna motosikal untuk pergi kerja.

**[26]** Walaupun kami bersetuju dengan hujahan peguambela bahawa hakim bicara telah terkhilaf apabila gagal membuat pertimbangan tentang hak akses SD3 terhadap kereta tersebut, namun kami mendapati kegagalan itu tidak fatal memandangkan hakim bicara telah meneliti secara terperinci keterangan SP5 dan SP7 yang menunjukkan tiada kemungkinan SD3 yang telah meletakkan dadah di dalam kereta tersebut. Malahan semasa SD3 memberi keterangan sebagai saksi pembelaan, tiada dicadangkan bahawa SD3 yang telah meletakkan dadah dalam kereta tersebut. Hakim bicara dalam penghakimannya menyatakan seperti berikut (ms 19 dan 21 RR Jld 1):

> 14. Keterangan SP5 dan SP7 jelas menyatakan bahawa kereta tersebut digunakan oleh mereka pada setiap hari bekerja dari pagi hingga 6.30 petang dengan SP7 memandu dan SP5 duduk di sebelahnya. Mereka tidak pernah melihat barang kes dadah yang dirampas oleh SP6 sebelum atau semasa balik kerja pada 13 September 2013 dan sebelum tarikh 13.09.2013 tiada siapa yang meminjam kereta tersebut. Suami SP5 dan bapanya tidak menggunakan kereta tersebut. Begitu juga keterangan SP7 bahawa sebelum hari kejadian beliau tidak pernah nampak ada dadah dalam kereta dan hanya nampak semasa di Balai Polis. Semasa bersihkan kereta itu sebelum ke Kuala Lumpur SP7 tidak nampak dadah tersebut. Suaminya,

Tertuduh ada menggunakan kereta itu tetapi setiap kali digunakan, beliau tidak beritahu hendak ke mana dan berjumpa siapa. Tertuduh bekerja menjual sayur di pasar.

...

Fakta bahawa tertuduh telah menggunakan kereta tersebut selepas SP5 dan SP7 balik dari kerja lebih kurang 6.30 petang 13 September 2013, dan SP7 memberitahu Tertuduh hendak pergi berjumpa kawannya sebelum bertolak ke Kuala Lumpur pada petang tersebut tidak dipertikaikan. Mahkamah dapati bahawa keterangan tertuduh menggunakan kereta tersebut pada petang tersebut untuk berjumpa kawannya langsung tidak dicabar oleh pihak pembelaan.

**[27]** Kami bersetuju dengan dapatan hakim bicara bahawa berdasarkan kepada keterangan yang ada, perayu adalah orang yang sebenarnya yang telah meletakkan dadah-dadah yang dipertuduhkan di dalam kereta PJT 5770 tersebut sebelum perayu sendiri bertegas untuk memandu kereta itu ke Kuala Lumpur walaupun perayu sendiri tidak mempunyai lesen untuk memandu.

KONKLUSI

**[28]** Atas alasan-alasan yang kami sebutkan di atas, kami membenarkan rayuan perayu. Sabitan terhadap perayu di bawah s 39B(1)(a) Akta bagi kesalahan pengedaran diketepikan dan kami gantikan dengan sabitan bagi kesalahan pemilikan di bawah s 12(2) Akta yang boleh dihukum di bawah s 39A(2) Akta. Kami mengekalkan sabitan perayu bagi pertuduhan kedua.

**[29]** Setelah mendengar pihak-pihak, kami menjatuhkan hukuman 18 tahun penjara dan sepuluh sebatan ke atas perayu bagi pertuduhan pertama dan kami mengesahkan hukuman Mahkamah Tinggi bagi pertuduhan kedua, tiga tahun penjara dan dua sebatan. Seterusnya kami memerintahkan hukuman pemenjaraan berjalan serentak berkuatkuasa dari tarikh perayu ditangkap.

*Rayuan perayu dibenarkan.*

Dilaporkan oleh Dzulqarnain Ab Fatar